

Newspaper	Berita Harian
Date	21/3/2013

Bukti kerajaan mahu majukan negara: PM

BH - 21/3/2013

» *GTP, ETP ubah kualiti hidup rakyat jadi semakin baik*

■ Kuala Lumpur

Perancangan dan pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) ialah satu eksperimen paling berani kerajaan dalam mengamalkan prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban terhadap rakyat, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata inisiatif GTP dan ETP, yang masing-masing diperkenalkan pada tahun 2010 dan 2011, turut membuktikan iltizam kerajaan untuk membangunkan negara, seterusnya memastikan negara mencapai matlamat menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

"Melalui GTP dan ETP ini rakyat boleh menilai prestasi kerajaan menerusi laporan ta-

hunan dan berkala yang dikeluarkan dari semasa ke semasa," kata beliau dalam blognya www.1malaysia.com

Najib membentangkan laporan tahunan GTP dan ETP semalam.

Kerja keras semua pihak

Beliau berkata kejayaan yang dicapai adalah hasil kerja keras semua pihak, daripada rakyat sehinggalah kepada pihak swasta dan penjawat awam.

"Alhamdulillah, dalam laporan tahunan GTP dan ETP yang saya bentangkan semalam, banyak kejayaan yang kita kecap. Kesannya, taraf dan kualiti hidup rakyat menjadi semakin baik, ekonomi negara menjadi berkembang, manakala kewangan negara terus kukuh hari demi hari," katanya.

Najib berkata kecemerlangan prestasi negara boleh disaksikan daripada peningkatan Pendapatan Negara Kasar (PNK) perkapita negara sebanyak 4,000 peratus, daripada hanya AS\$257 (RM802) pada 1957 kepada AS\$9,970 (RM31,111) pada 2012.

ia diperjelaskan lagi apabila Penyiataan Pendapatan Isi Rumah (PPIR) negara untuk tahun 2012, meningkat kepada RM5,000 daripada hanya RM4,025 pada 2009.

Perdana Menteri berkata selain kadar kemiskinan negara dikurangkan daripada 60 peratus pada tempoh awal kemerdekaan kepada 1.7 peratus pada 2012, inisiatif yang diperkenalkan berjaya mengeluarkan kira-kira 100,000 orang rakyat daripada belunggu kemiskinan.

Beliau berkata ini membuktikan setiap yang diperkenalkan kerajaan memberi manfaat kepada rakyat dan selari dengan konsep 1Malaysia yang mahu rakyat didahulukan dan pencapaian diutamakan.

"Sebab itulah, ketika pembentangan semalam, saya turut mengumumkan yang kerajaan akan meneruskan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sebagai inisiatif tahunan kepada rakyat," katanya.

"Dengan kecemerlangan prestasi negara, saya berharap rakyat dapat terus bersama-sama memberi sokongan ke-



“**Selain kadar kemiskinan negara dikurangkan daripada 60 peratus pada tempoh awal kemerdekaan kepada 1.7 peratus pada 2012, inisiatif yang diperkenalkan berjaya mengeluarkan kira-kira 100,000 orang rakyat daripada belunggu kemiskinan”**

Najib Razak
Perdana Menteri

pada kerajaan agar setiap apa yang dirancang untuk masa depan negara dapat dilaksanakan," katanya. **BERNAMA**